

7 FEB 1996

Ling - Pelabuhan

KERAJAAN AKAN AWASI PERGERAKAN KARGO MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan semua pihak berkuasa pelabuhan mengawasi pergerakan kargo bagi menentukan sama ada ia menuju ke pelabuhan Klang atau pelabuhan negara asing yang lain.

"Ini selaras dengan dasar kerajaan menarik pengusaha perkapalan utama singgah di Pelabuhan Klang dan menjadikannya pusat utama pemunggahan," kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Ling Sik kepada pemberita di sini selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Awal bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memastikan rakyat Malaysia menggunakan Pelabuhan Klang bagi semua aktiviti import dan eksport.

Dr Mahathir berkata tindakan sesetengah rakyat Malaysia yang mengeksport barangan melalui negara lain menyebabkan kerajaan kehilangan cukai dan pendapatan lain di samping mewujudkan defisit dalam imbang pembayaran.

Katanya, mulai sekarang, kerajaan akan mengawasi pergerakan kargo dari pelabuhan lain seperti Kuching, Kota Kinabalu, Kuantan, Pulau Pinang dan Pasir Gudang.

Beliau berkata kementerian sedang berusaha menimbulkan kesedaran di kalangan pengeksport dan pengimport serta ejen kargo agar menggunakan Pelabuhan Klang bagi menarik kapal-kapal besar mengunjunginya.

Dr Ling berkata beliau berharap menjelang bulan depan, lebih banyak kapal singgah di Pelabuhan Klang bagi menghantar atau mengambil barangan Malaysia sebelum meneruskan pelayaran ke destinasi.

Beliau berkata pengusaha perkapalan utama yang singgah di Pelabuhan Klang sejak bulan lepas ialah APL (American President Line), OOCL (Orient Overseas Container Line) dan Hyundai.

Menurut beliau, kapal-kapal Malaysia cuma membawa 15 peratus daripada barangan negara sementara selebihnya diangkut oleh kapal asing.

Usaha yang diambil bagi menggalakkan kapal-kapal singgah di Pelabuhan Klang antaranya ialah arahan pada November tahun lepas bahawa semua pembelian kerajaan dari negara luar disertakan dengan fasal yang menyebut bahawa kargo dibawa oleh kapal yang singgah di Pelabuhan Klang. -- BERNAMA